

09/08/1999

Manifesto 1990 bukti Pas gagal tunai janji

KOTA BHARU, Ahad - Barisan Nasional (BN) Kelantan akan mencetak semula kira-kira 20,000 naskah manifesto Pas yang dijanjikan kepada rakyat di negeri ini ketika pilihan raya umum 1990.

Langkah itu bagi membolehkan rakyat menilai semula semua janjinya dan sebanyak mana yang sudah mereka laksanakan sehingga sekarang.

Pengerusi BN negeri, Datuk Annuar Musa berkata, rakyat perlu diingatkan dan menyemak semula setiap janji Pas itu agar mereka memahami permainan politik parti itu yang penuh pembohongan dan tidak bertanggungjawab.

Katanya, bersama manifesto itu juga akan disertai ulasan terhadap setiap janji dikemukakan Pas kepada rakyat.

"Keputusan mencetak semula manifesto itu dibuat hasil persetujuan BN dan jawatankuasa jentera pilihan raya BN negeri untuk diedar dan memberi peluang kepada rakyat menilai janji-janji Pas dalam pilihan raya 1990.

"Manifesto Pas itu akan dicetak kira-kira 20,000 naskah dalam versi asal yang akan memperlihatkan kepada rakyat terhadap segala janjinya itu," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat jentera pilihan raya BN peringkat negeri, di sini, hari ini.

Turut hadir Setiausaha BN negeri, Datuk Mohd Ariffin Abdul Hamid; Ketua Penerangan BN negeri, Datuk Mohd Rozali Isohak dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kota Lama, Leong Su Siang.

Difahamkan selain mengedarkan manifesto kepada seluruh rakyat Kelantan itu, ia juga dijangka diedarkan pada majlis perhimpunan Umno sempena sambutan Hari Kebangsaan di sini, pada 31 Ogos ini.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar berkata, seperti diketahui umum Pas tidak mengaku berjanji memberi jawatan Timbalan Menteri Besar kepada bekas Parti Melayu Semangat 46 (S46), hanyalah satu daripada lebih 10 perkara yang dijanjikan parti itu dalam manifestonya kepada rakyat Kelantan.

"Apa yang penting rakyat perlu tahu Pas sebenarnya awal-awal lagi sudah berbohong ketika mereka mula merangka manifesto itu sebagai usaha memancing undi.

"Inilah yang rakyat perlu tahu dan melihat semula segala janji itu apabila manifesto asal Pas diedarkan nanti," katanya.

Ditanya kenyataan Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang mendakwa, BN belum bersedia memerintah Kelantan, Annuar berkata, untuk menentukan sama ada bersedia atau tidak Pas boleh membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan bagi membolehkan pilihan raya peringkat negeri diadakan.

Katanya, Nik Aziz tidak perlu menunggu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan tarikh pilihan raya untuk melihat jawapannya.

"Kalau itu dakwaan Pas, kita (BN) minta Nik Aziz bubar segera DUN untuk menentukan sama ada BN sedia atau tidak (memerintah Kelantan)," katanya.

Annuar berkata, dalam keadaan sekarang setiap kenyataan Nik Aziz itu menggambarkan sikap kecelaruannya apabila rakyat semakin tidak percaya kepada Pas.

Sebab itu, katanya, Murysidul Am Pas itu terpaksa membuat kenyataan berkenaan yang sebenarnya beliau sendiri sedar hakikat Pas sedang menghadapi masalah besar untuk berdepan dengan Umno dan BN pada pilihan raya umum kali ini.

"Kita tidak salahkan Nik Aziz yang terpaksa membuat kenyataan kerana dia bimbang penyokongnya lari dan memberi sokongan kepada Umno dan BN,"

katanya.

(END)